

Praktis 6

Bahan-bahan di bawah ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menuliskan kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Media baharu ialah media yang melalui proses peralihan teknologi komunikasi digital yang berpaksikan Internet. Antara contoh media baharu ini termasuklah blog, sosial media, media pelayar video, laman web, dan aplikasi bacaan secara dalam talian. Komunculan media baharu ini menyebabkan golongan muda terdedah kepada pelbagai perkara yang diketengahkan oleh golongan pengengaruh (*influencer*) atau seseorang yang mempengaruhi orang lain.

Seseorang itu mudah untuk menjadi terkenal kerana ekosistem media sosial yang bersifat bebas. Mereka menjadi pengengaruh melalui pelbagai-bagai cara. Contohnya, seseorang yang mempunyai kemahiran memasak akan memanfaatkan kemahiran tersebut untuk menarik wargamaya mengikuti aktiviti mereka. Pengengaruh yang mempunyai lebih tertentu akan dapat menarik jumlah pengikut yang ramai.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Lambakan Pengengaruh: Cerminan dan Hala Tuju'
oleh Nur Afiqah Md. Ali Vejaya,
Dewan Masyarakat, Bil. 3/2022

[5 markah]

Bahan 2

Generasi muda negara semakin melupakan kraftangan tempatan yang merupakan seni warisan kebanggaan negara. Seiring dengan arus kemodenan, seni tekstil tempatan termasuk kain songket semakin dilupa oleh masyarakat. Seni tekstil ini merujuk seni penghasilan kain yang menggunakan pelbagai bahan dan peralatan. Kain songket ditenun dengan menggunakan benang emas dan mesin tradisional.

Dari sudut sejarah, di suatu ketika dahulu, hanya golongan bangsawan, keluarga kerabat diraja, dan orang-orang besar di Tanah Melayu yang memakai kain songket. Pangkat dan kediaman tinggi seseorang pada ketika itu digambarkan melalui kehalusan tenunan serta kerumitan motif dan warna songket. Kini orang kebanyakan turut penggayakan songket. Mereka memakai songket dalam majlis tertentu atau majlis rasmi. Songket jenis ini ditenun dengan menggunakan benang kapas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Songket di Persada Dunia'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,
Dewan Budaya, Bil. 3/2022

[6 markah]

Bahan 1

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____

Bahan 2

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____
- (v) _____
- (vi) _____